

Maklumat mengenai pengendalian data peribadi

Tinjauan Sikap Kumpulan Volvo (Volvo Group Attitude Survey, VGAS) adalah bertujuan untuk memperbaiki suasana pekerjaan secara berterusan.

Syarikat Volvo Business Services adalah pengawal data peribadi anda dan akan mematuhi perundangan privasi kebangsaan di negara anda. Bagi kebanyakan negara Eropah, pengendalian data peribadi anda biasanya dikawal oleh undang-undang negara di bawah EC Directive 95/46/EC.

Sekiranya anda ada soalan sila hubungi pentadbir vgas anda dari senarai tersebut:

<http://www.volvogroup.com/SiteCollectionDocuments/VGHQ/Volvo%20Group/Career/Contact%20persons.xls>.

Hubungi global: HRSC Nordic, Perkhidmatan Perniagaan Volvo, Sweden. E-mel: hrsc.se@volvo.com

Respons yang anda kemukakan akan dipautkan ke kata laluan yang anda gunakan apabila anda melog masuk. Kata laluan ini sama bagi semua pekerja yang melapor kepada pengurus yang sama. Hasilnya, respons individu anda tidak boleh dibezakan daripada respons lain yang dikemukakan menggunakan kata laluan yang sama. Setelah dikemukakan, data ini tidak boleh diakses atau dipinda, kerana tiada pengenalan dalam respons ini yang menghubungkan kait kembali kepada anda.

Jika lima atau lebih respons diterima menggunakan kata laluan yang sama, pasukan akan diberi laporan. Laporan ini harus boleh diakses oleh pengurus yang berkaitan, yang akan menyampaikannya kepada para pekerjanya. Pengurus ini harus berhak untuk menunjukkan laporan ini kepada mereka yang dia rasakan patut.

Jika tiada kelulusan diberi bagi empat respons ini, atau tiga respons diterima, laporan ringkas hendaklah disediakan— hanya tinggi dan rendah. Laporan ini harus diberikan kepada pengurus terlibat dan beliau akan berkongsi laporan ini dengan ahli pasukannya. Beliau juga boleh berkongsi laporan ini dengan mana-mana pihak yang beliau rasa perlu.

Jika kurang daripada tiga respons diterima, tiada laporan akan dibuat.

Menjawab tinjauan ini adalah secara sukarela. Kumpulan Volvo merasakan bahawa amat penting bagi semua orang untuk menjawab tinjauan ini. Bilangan respons yang anda kemukakan menggunakan kata laluan yang diberi akan disemak. Dalam keadaan tertentu, ada kemungkinan pihak syarikat dapat menentukan sama ada seseorang mengemukakan respons atau tidak. Peringatan akan dihantar kepada pasukan dengan kadar respons yang lebih rendah daripada 80%.

Maklumat individu mengenai respons seseorang tidak akan sekali-kali dilaporkan. Walau bagaimanapun, sekiranya semua orang yang menggunakan kata laluan yang sama, mengemukakan respons yang sama, ada kemungkinan untuk menentukan respons mereka secara tidak langsung.

Maklumat tambahan mengenai pengendalian data peribadi bagi para pengurus

Beberapa maklumat berkaitan pengurus boleh dilaporkan kepada pihak pengurusan di peringkat yang lebih tinggi dan para pegawai HR. Ini bermakna bahawa keputusan yang dikumpulkan mengenai prestasi anda sebagai pengurus tidak bersifat tanpa nama.

Keputusan yang boleh didapati adalah ESI (Indeks Kepuasan Pekerja), CLI (Index Komunikasi Pemimpin) dan EEI (indeks Kepuasan Pekerja). Ringkasan laporan bagi tahap lebih tinggi boleh didapati untuk perbandingan.